

# Penetapan kadar gaji minimum permulaan Jumaat

Oleh Shaarani Ismail  
shaarani@NSTP.com.my

f Share

t Tweet

8+ Share

IPOH: Kerajaan akan memuktamadkan kadar permulaan gaji minimum sektor swasta selepas Mesyuarat Kabinet, Jumaat ini.

Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran, berkata kerajaan juga akan menetapkan satu kadar yang seragam bagi gaji permulaan sektor swasta di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

"Penetapan gaji minimum daripada segi undang-undang perlu disemak setiap dua tahun dan kita telah menyatakan di dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) sebelum ini bahawa dalam tempoh lima tahun kita akan meningkatkan jumlahnya kepada RM1,500.

"Apa yang menjadi keutamaan kerajaan ketika ini adalah untuk menyeragamkan terlebih dahulu kadar gaji minimum di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dan dalam tempoh 100 hari ini kita mahu laksanakan perkara itu (seragamkan gaji).

"Saya rasa perkara itu (seragamkan gaji) akan dapat dijayakan kerana pada Jumaat ini saya akan membawa perkara itu ke Kabinet. Semoga akan ada berita baik menanti kita semua," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kerusi roda kepada 20 penerima di Kampung Tawas dan Kampung Kepayang di sini hari ini.

Kulasegaran berkata, setakat ini, gaji minimum yang diterima di Sabah dan Sarawak adalah sekitar RM800 hingga RM920, manakala di Semenanjung adalah sebanyak RM1,000 sebulan.

Katanya, adalah mustahil bagi majikan untuk memberikan kenaikan gaji minum RM1,500 sebagaimana yang ditetapkan secara sekali gus kerana ia akan memberikan implikasi besar kepada majikan.

"Jika kenaikan dibuat sekali gus akan ada banyak syarikat yang mungkin akan jatuh muflis dan akan mengurangkan pendapatan mereka sehingga perniagaan tidak lagi boleh beroperasi terutama bagi syarikat kecil yang mungkin akan menghadapi masalah kewangan.

"Jadi peningkatan gaji minimum secara berperingkat sehingga tempoh lima tahun adalah sebahagian usaha yang akan dilaksanakan untuk tidak menyusahkan majikan," katanya.